



Rujukan : UKM KPD/262/3
Tarikh : 16 Julai 2018

Semua Pelajar
Program Siswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018-2019

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019 akan bermula pada **10 September 2018**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018-2019	Saudara/i boleh mendaftar kursus bermula 20 Ogos - 2 September 2018 . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
CAJ LEWAT MENDAFTAR	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP.
DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR	Pelajar akan diberikan status " DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR " jika tidak membuat pendaftaran sehingga selewat-lewatnya pada 13 Oktober 2018 .
JADUAL PERKULIAHAN	Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5585/5609 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>


	bermula. Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.
PEMBAYARAN YURAN	<p>Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran tertunggak dan semasa. Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester sebelum atau pada 24 Ogos 2018.</p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, sila serahkan surat daripada penaja ke Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian.</p> <p>Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan Portal E-Kewangan.</p>
BIODATA PELAJAR DI SMPE	Pelajar juga bertanggungjawab untuk memastikan biodata pelajar di SMPE adalah terkini pada setiap semester.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 2 Sesi Akademik 2017-2018.

Selamat maju jaya dalam menghadapi pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NOOR SUZILAWATI BINTI DESA
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Pengarah

- s.k. - Penyelaras Program
- Ketua Pentadbiran, PKP
- Bahagian Kewangan, PKP